

Putus kaki, tangan kiri



H/M 27/8/2011 MAS C.

10 lelaki bersenjata parang serta bertopeng serang pelanggan restoran

>>Oleh Mohd Firdaus Ibrahim,
Kalidevi Mogan dan
Muhaamad Hafis Nawawi
am@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Seorang lelaki putus kaki dan tangan kirinya akibat ditetak dengan parang selepas diserang 10 lelaki bertopeng ketika menunggu hidangan di sebuah restoran di Taman Intan Baiduri, Kepong di sini, kelmarin.

Difahamkan, semua lelaki terbabit yang bersenjatakan parang dan kayu turut menyerang semua pelanggan di restoran berkenaan sebaik tiba di tempat kejadian.

Bagaimanapun, dalam kejadian kira-kira jam 9 malam itu, semua pelanggan dan pekerja restoran itu dapat melarikan diri kecuali mangsa yang terperangkap menyebabkan dia dipukul dan ditetak sebelum ditinggalkan berlumuran darah dan tidak bermaya.

Menurut sumber, ketika kejadian, mangsa berusia 20 tahun sedang menunggu makanan dipesan sebelum tiba-tiba diserang 10 lelaki bertopeng bersenjatakan parang dan kayu.

"Semua penyerang menaiki dua kereta ke restoran itu. Sebaik turun dari kenderaan,



DI SINI
...restoran
tempat
mangsa
ditetak.

mereka terus menyerang pelanggan yang berada di restoran berkenaan.

"Mangsa yang gagal melarikan diri dipukul dengan kayu dan ditetak tanpa belas kasihan," katanya.

Sumber berkata, ketika kejadian mangsa hanya mampu menjerit sambil meminta dikasihani sebelum kumpulan penyerang itu meninggalkan kawasan berkenaan.

Katanya, orang ramai yang mengenali mangsa bergegas ke rumahnya bagi memaklumkan kejadian itu kepada bapa saudara mangsa yang berusia lewat 30-an.

"Sebaik tiba di lokasi kejadian, bapa saudara mangsa mendapati anak saudaranya terbaring di hadapan restoran itu tidak sedarkan diri.

"Pemeriksaannya mendapati tangan dan kaki kiri anak saudaranya putus selain cedera akibat ditetak di seluruh badan sebelum membawanya ke Hospital Kuala Lumpur (HKL)," katanya.

Ahli keluarga mangsa turut membuat laporan di Balai Polis Kepong di sini untuk siasatan dan tindakan lanjut.

Difahamkan, kira-kira jam 3 petang semalam, tangan kiri mangsa berjaya disambung

semula selepas menjalani satu pembedahan, namun kemungkinan pulih dikatakan tipis manakala kaki kirinya pula gagal diselamatkan.

Sumber polis turut memberitahu, pihak polis tidak menolak kemungkinan kejadian itu bermotifkan dendam, namun siasatan lanjut sedang dilakukan.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Sentul, Asisten Komisioner Zakaria Pagan ketika dihubungi, mengesahkan menerima laporan berhubung kejadian itu dan memberitahu siasatan lanjut sedang dilakukan.